

Objektiviti bahasa dalam kewartawanan

Mohd Rajib Ab Ghani*
dan Faridah Ibrahim

PENGENALAN:

Di tahun tahun kebelakangan ini, dunia kewartawanan digegarkan dengan satu fenomena yang mencabar kemakkulan bidang tersebut. Fenomena yang dikatakan itu ialah sejauhmanakah akhbar bersikap objektif dalam menjalankan fungsinya sebagai penyampai maklumat kepada khalayak. Dalam kajian-kajian dan pemerhatian masa lalu yang telah dijalankan oleh para ilmuan seperti Merrill (1965), Lowry (1971), Cirino (1974), Black (1974), Boyer (1975), Sciller (1981) dan lain-lain, ternyata keobjektifan, kebenaran dan ketepatan maklumat yang disiarkan atas nama berita sering dipersoalkan. Kemakkulan atau kesahihan maklumat itu dipersoalkan kerana hasil kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kepercayaan khalayak kepada akhbar sebagai pembawa maklumat semakin menurun jika dibandingkan dengan televisyen. Dalam hal ini, televisyen dianggap lebih makkul di banding dengan akhbar atau media cetak kerana keupayaannya untuk memutarbelitkan sesuatu isu melalui visual adalah agak sukar. Manakala, media cetak terutamanya akhbar berpotensi berbuat demikian melalui penggunaan bahasa dan pemilihan berita.

Khalayak sering menganggap berita-berita yang dibawa oleh akhbar agak kurang meyakinkan dari segi pembentangan fakta dan makna bahasa, serta corak pemberitaannya 'bias' iaitu memihak atau condong kepada sesuatu pihak. Peranan wartawan yang unggul ialah menyampaikan maklumat dalam bentuk berita dan rencana

* Ketua Biroteks ITM dan Pensyarah Kewartawanan

dengan tepat dan benar kepada khalayak. Ketepatan maklumat boleh dicapai sekiranya seseorang wartawan itu bersikap tidak memihak. Walaubagaimana pun, hakikat ini bukan mudah dicapai kerana wartawan itu adalah manusia yang mempunyai penilaian subjektif terhadap sumber berita. Di dalam artikel ini, penulis tidak sekali-kali ingin mempersoalkan tentang penilaian subjektif seseorang wartawan itu, tetapi perkara lain yang penting yang boleh digunakan oleh wartawan untuk mencapai keobjektifan berita iaitu penggunaan dan salahguna bahasa. Melalui penggunaan bahasa yang objektif, ketepatan, keseimbangan dalam laporan berita serta kebenaran sesuatu laporan boleh tercapai. Perkataan objektiviti dalam kewartawanan membawa implikasi praktikal dan moral. Sepanjang perkembangan sejarah kewartawanan, keunggulan objektiviti disarankan dan dikaitkan kepada pendekatan realiti serta ideal dan matlamat moral dalam profesyen kewartawanan.

Konsep pemberitaan secara objektif bermula di Amerika Syarikat. Di awal abad ke 18, wartawan di Amerika Syarikat menyedari bahawa mereka perlu bersikap neutral, tidak menyebelahi mana-mana parti politik atau golongan niaga. Perkembangan teknologi dalam dunia kewartawanan ketika itu amat pesat dan ini membawa beberapa perubahan kepada corak kewartawanan. Di awal tahun 1900, pemberitaan secara objektif mulai diterima sebagai tunjang dalam dunia kewartawanan di Amerika. Ketika itu Suruhanjaya Kebebasan Akhbar di Amerika Syarikat memestikan para wartawan mengikut garis panduan mereka. Antaranya, pihak akhbar hendaklah menyampaikan pemberitaan yang tepat; ianya tidak boleh berdolak-dalih iaitu hendaklah mengenalpasti fakta sebagai fakta dan pendapat sebagai pendapat. Walter Lippmann, seorang wartawan terkenal menyatakan memang sukar untuk mencapai objektiviti dalam pemberitaan kerana manusia mudah dipengaruhi oleh keadaan persekitarannya. Beliau berpendapat disebabkan kesedaran ini maka manusia akan lebih giat mencari kaedah untuk mencapai objektiviti yang sebelum dari itu tidak pernah difikirkan oleh manusia (1922:81).

PENGGUNAAN DAN SALAHGUNA BAHASA DALAM KEWARTAWANAN:

Bahasa adalah infrastuktur yang penting dalam bidang kewartawanan. Tanpa bahasa, tidak ada berita, tidak ada wartawan dan tidak ada media. Jadi, apakah yang dikatakan objektiviti dalam bahasa kewartawanan itu? Dalam ungkapan ayat yang mudah, objektiviti membawa maksud penyampaian maklumat yang tidak dicampuraduk dengan pendapat penyampai, iaitu para wartawan itu sendiri. Secara ringkas, objektiviti mengandaikan pemupusan ayat yang subjektif dari pihak wartawan, yang mana subjektiviti wartawan hanya dikhaskan untuk pemilihan berita berdasarkan ethika, kebijaksanaan, akal waras, deria berita dan budibicara wartawan dalam menilai apa yang mempunyai nilai berita dan apa yang tidak. Objektiviti juga mengandaikan bahawa wujudnya satu realiti luaran yang mesti dijelaskan sebagai "itulah dia" atau "such as it is." (Westley, 1980:105).

Dalam bidang kewartawanan, keobjektifan bahasa memainkan peranan yang amat penting sekali. Namun demikian penggunaan bahasa dalam kewartawanan ini jarang sekali dipertikaikan. Sebagai wartawan, tidak kira penulis rencana atau pemberita, pengarang, penyunting atau pengarang berita, semuanya akan terlibat dalam penggunaan bahasa untuk penyampaian berita. Dalam usaha menyampaikan maklumat kepada khalayak pembaca, tentu sekali kita tidak boleh menggunakan ungkapan atau sebutkata yang tidak dapat difahami oleh pembaca. Tetapi masih ramai para wartawan yang mencipta perkataannya sendiri apabila menghadapi kebuntuan untuk mencari perkataan yang tepat dalam menjelaskan sesuatu itu.

Umpamanya, sebelum orang-orang Vietnam berpusu-pusu mencari perlindungan di Malaysia dengan menaiki perahu-perahu menuju ke Terengganu, perkataan 'boat people' tidak pernah kita dengar. Kita juga tidak pernah membaca perkataan itu. Tetapi setelah berminggu-minggu mereka berpusu-pusu belayar ke negara kita, maka akhbar-akhbar pun mula mencipta perkataan 'boat people' kerana mungkin dirasakan perkataan itu bersesuaian untuk menjelaskan mengenai rakyat Vietnam

yang mencari perlindungan di negara ini dengan menaiki perahu-perahu. Kemudian akhbar-akhbar berbahasa Malaysia pula mencipta perkataan 'Pelarian Vietnam'. Perkataan-perkataan ini tidaklah memberi pengertian yang tepat dengan maksud yang hendak disampaikan oleh penulis kepada si pembaca. 'Boat people' membawa banyak erti dan begitu juga orang-orang pelarian boleh disalahertikan dan boleh membawa maksud yang negatif. 'Orang-orang pelarian' itu adalah golongan yang sangat memerlukan pertolongan dan amat mengharapkan belas kasihan dari rakyat negara asing untuk mendapat perlindungan.

Perkataan-perkataan lain seperti 'liberalisme' 'pelampau' 'chauvinis' 'ultra' yang kerap kali kita terbaca di tajuk-tajuk berita atau laporan berita akhbar tidak membawa erti yang tepat dengan apa yang hendak disampaikan oleh wartawan. Umpamanya perkataan 'chauvinis' tidak menunjukkan makna yang tepat atau dalam ertikata lain perkataan itu tidak mengandungi 'absolute meaning'. Ini kerana makna perkataan itu tidak mempunyai had atau batasnya (infinite). Sebenarnya kita mencipta atau membina perkataan-perkataan itu berdasarkan kepada abstrak pemikiran kita yang paling atas.

Untuk mengelak diri dari kekeliruan dan kemungkinan dalam salahguna bahasa, pakar semantik umum, S. I. Hayakawa (1949) telah mengkaji tiga kategori kenyataan yang sering membawa kontroversi dalam proses mencapai objektiviti dalam penulisan. Kenyataan tersebut termasuklah kenyataan laporan, kenyataan tanggapan dan kenyataan hukuman.

Laporan didapati mengikuti beberapa garis undang-undang. Pertamanya, laporan dapat disahkan atau diverifikasikan. Kedua, ia cuba sedaya upaya untuk memisahkan kenyataan sebenar dari kenyataan yang mempunyai unsur tanggapan dan hukuman. Bagaimanapun, laporan tidak selalu dapat disahkan dengan menyiasat kembali kepada fakta asal. Kebanyakan kita secara dasar dapat bersetuju dengan nama-nama seperti 'satu meter,' 'dua ela,' 'sebatu,' 'kilogram' dan lain-lain. Ketidakhahaman atau perselisihan yang berlaku antara manusia kerana

pengertian nama dan istilah ini adalah amat minima sekali.

Bahasa laporan, menurut Hayakawa, merupakan bahasa sains. Kebanyakan negara, tidak kira negara demokratik, sosialis, kapitalis atau komunis, mempunyai simbol-simbol sains atau ilmu hisab yang mempunyai makna yang sama, contohnya, $2 \times 3 = 6$, HCl (asid hidroklorik), 40 B.C atau sebelum masehi dan lain-lain. Bagaimanapun, manusia jarang sekali dapat mencapai persetujuan dalam nilai-nilai sosial dan agama, ideologi politik dan ekonomi, nilai baik-buruk manusia dan sebagainya. Namun keadaan memaksa manusia untuk mencapai persetujuan bagi sesuatu perkara. Kerana itu Hayakawa berpendapat bahawa bahasa laporan itu adalah bahasa sains yang mempunyai ketepatan yang tinggi; ianya merupakan bahasa 'peta' dan oleh kerana ia dapat memberi gambaran yang hampir tepat mengenai sesebuah 'kawasan', ia memudahkan lagi tugas-tugas manusia. Bahasa tersebut kadangkala menjemukan pembaca. Bayangkanlah jika setiap hari kita meneliti buku panduan telefon atau rajah perangkaan sebagai sumber hiburan. Namun demikian, kita amat memerlukannya untuk memudahkan tugas kita. Dalam kegiatan kita setiap hari, tidak kira sewaktu berbual atau menulis, keadaan memerlukan kita berinteraksi atau berhubung dengan cara yang mudah difahami dan diterima oleh orang lain (1949:34-35).

Penanggapan atau penyimpulan merupakan kategori kenyataan kedua yang diperkenalkan oleh Hayakawa. Oleh kerana kenyataan laporan itu adalah berdasarkan kepada pengalaman pertama, iaitu wartawan menyaksi sendiri sesuatu kejadian atau peristiwa itu. Bagaimanapun, apabila wartawan menjelaskan kejadian itu dalam bahasanya sendiri menurut pemerhatiannya, maka itu dikatakan tanggapan. Hayakawa berpendapat tanggapan adalah penting dalam kehidupan kita, seperti juga kenyataan laporan. Menurut beberapa fahaman dalam bidang geologi, paleontologi atau fizik nuklear, laporan adalah asas atau landasan manakala inferansi demi tanggapan demi tanggapan merupakan satu badan utama sains (1949:34).

Bagaimana pun, dunia kewartawanan menggunakan tanggapan secara berlainan. Dalam penulisan berita, tanggapan berkemampuan untuk memesongkan keseluruhan fakta kerana bahasa wartawan yang dicetak dan mengandungi unsur tanggapan akan diterima sebagai satu fakta yang nyata. Umpamanya, jika wartawan mengatakan orang kulit hitam memang jaguh sukan berbanding dengan orang kulit putih. Kenyataan ini meragukan kerana tidak ada cara yang "absolute" untuk membuktikan kejaguhan mereka. Kerana, tanggapan memang pada dasarnya tidak dapat disahkan. Setiap manusia mempunyai pendapat dan pendirian sendiri mengenai sesuatu. Cara menghindari kenyataan tanggapan dalam penulisan berita ialah wartawan perlu menghindari diri dari menduga atau meramal apa yang difikirkan oleh orang lain. Antara kenyataan tanggapan yang dibuat berdasarkan penelitian umum dan ramalan adalah seperti berikut: "Beliau amat takutkan perempuan," "Beliau mempunyai konflik personaliti," "Dunia mengecam tindakan Amerika Syarikat.," dan seumpamanya.

Kenyataan hukuman juga perlu dihindari dalam pemberitaan yang objektif. Hayakawa menjelaskan kenyataan hukuman mengandungi rakaman persetujuan dan tidak setuju pemberita terhadap sesuatu kejadian, objek atau seseorang yang sedang ditulisnya. Umpamanya, sebuah kenyataan hukuman berbunyi: "Kereta ini menakjubkan." Kenyataan ini boleh ditulis secara objektif seperti berikut: "Kereta tersebut telah dipandu sejauh 50,000 batu tetapi masih dalam keadaan yang baik." Sesungguhnya kenyataan hukuman berpotensi menimbulkan unsur-unsur 'bias' atau berat sebelah (Hayakawa, 1949:37).

KAJIAN DALAM OBJEKTIVITI:

Kebanyakan kajian objektiviti dalam kewartawanan, terutamanya yang memberi penekanan kepada kaedah-kaedah kewartawanan seperti penggunaan bahasa, boleh dianalisa dengan menggunakan kaedah trikotomi Hayakawa - kenyataan laporan, tanggapan dan hukuman.

Antara para ilmuan yang telah menggunakan kaedah tersebut termasuklah John C. Merrill (1961), dan Dennis

Lowry (1971). Merrill menggunakan Trikotomi Hayakawa dalam kajiannya bertajuk "Bagaimana TIME stereotaip tiga orang presiden Amerika Syarikat." Persampelan adalah dipilih berdasarkan berita pentadbiran Truman tahun 1951, Eisenhower, 1955 dan Kennedy, 1962. Berita-berita tersebut dianalisa berdasarkan penggunaan bahasa yang menjelaskan mengenai setiap presiden, dengan memberi penumpuan kepada kehadiran atau ketidakhadiran rakaman pendapat atau penggunaan bahasa yang berunsurkan 'bias.' Kajian Merrill menunjukkan kehadiran 'bias' dalam pemberitaan majalah TIME, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1.

JADUAL 1

Unsur 'bias' dalam 10 sampel naskah majalah TIME bagi setiap presiden

	Truman	Eisenhower	Kennedy
'BIAS' SEPENUHNYA	93	82	45
'BIAS' KE ARAH POSITIF	1	81	31
'BIAS' KE ARAH NEGATIF	92	1	14

Dipetik dari Merrill, J.C. "How TIME Stereotyped Three U.S Presidents," dalam Journalism Quarterly, 42:563-570 (1965).

Seorang professor dalam kewartawanan, Dennis T. Lowry menjalankan kajian mengenai siaran berita television mengenai Timbalan Presiden Spiro Agnew melalui analisa isikandungan. Lowry menggunakan Trikotomi Hayakawa untuk mengetahui samaada ucapan Spiro di Des moines mempunyai pengaruh ke atas siaran berita television. Kajiannya menunjukkan bahawa kandungan berita television mengenai Agnew tidak mempunyai kenyataan hukuman, samada memihak atau tidak memihak kepada Agnew (1971:205-210).

Janice Monti Belkaoui (1978:733) dalam satu kajian mengenai imej Arab dan Israel dalam akhbar terkemuka di Amerika Syarikat dalam tempoh 1966-1974, mendapati bahawa terdapat kehadiran unsur 'bias' dalam laporan

'mendakwa,' 'menyelar,' 'mendesak,' dan seumpamanya. Disebabkan kehadiran kenyataan-kenyataan tersebut, hasil kajian menunjukkan kuasa besar ini mempunyai dua imej seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2

Perbandingan Kategori Imej (Bahasa Sumber) Kuasa Besar
Kedua-dua Akhbar

%	A.S	USSR	G.BRITAIN	JEPUN	PRC	2 KUASA
Memihak	14 36.8%	6 15.8%	5 13.2%	7 18.4%	6 15.8%	0 0.0
Berkecuali	139 42.8%	51 15.7%	45 13.8%	42 12.9%	25 7.7%	23 7.1%
Tidak memihak	40 41.7%	26 27.1%	13 13.5%	6 6.2%	5 5.2%	6 6.3%
X ² =16.92	D.F=10		N.S			

Jadual tersebut menunjukkan kedua-dua akhbar telah meletakkan Amerika Syarikat, Great Britain dan Russia dalam kategori berkecuali dan tidak memihak (unfavourable) manakala negara Jepun dan Republik Rakyat China (PRC) dalam imej berkecuali dan memihak (favourable).

Dalam satu lagi kajian mengenai Analisis Semantik Objektiviti dalam dua akhbar Malaysia (Mohd Rajib:1984), pengkaji telah menganalisa isikandungan berita serta tajuk berita 60 akhbar UM dan NSI dengan memberi penumpuan kepada kaedah Trikotomi Hayakawa. Hasil kajian menunjukkan bahawa dari jenis tajuk yang tidak sesuai (inappropriate headlines) terdapat unsur-unsur bahasa yang objektif dan tidak objektif dalam penulisan tajuk, seperti yang dapat dilihat dalam jadual 3.

Jadual 3
Perbandingan Antara Ayat dan Bahasa Objektif Serta
Tidak Objektif Dalam Kedua-dua Akhbar (Tajuk
Berita:Kategori Tidak Sesuai)

Ayat	Objektif	Tidak Objektif	Jumlah
Utusan Malaysia	108 52.43%	96 47.57%	206 100%
The New Straits Times	98 67.59%	47 32.41%	145 100%

χ^2 (Yates Correction)=4.178, D.F:1, $P<.05$

Dalam perbandingan peratusan ke atas arah berita dalam kedua-dua akhbar, pengkaji mendapati bahawa kategori objektif (campuran faktor seimbang dengan berkecuali) dalam kedua-dua akhbar adalah dominan; manakala kategori tidak objektif (campuran faktor memihak dan tidak memihak) adalah lebih rendah, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4. Faktor memihak dan tidak memihak dianggap tidak objektif kerana terdapat kenyataan tanggapan di pihak wartawan yang meletakkan sesuatu objek atau seseorang di peringkat positif atau negatif. Kerana tanggapan ini, sesuatu berita dianggap tidak objektif.

Jadual 4

Perbandingan Peratusan Arah Berita
Dalam Kedua-Dua Akhbar

Kategori	Peratus	Frekuensi	
Memihak	28.3%	62	Tidak
Tidak memihak	5.9%	13	Objektif
Berkecuali	62.1%	136	
Seimbang	3.7%	8	Objektif
Jumlah	100%	219	

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penulis, dapat dirumuskan bahawa walaupun akhbar-akhbar

utama di negara ini cuba sedaya upaya untuk bersikap objektif dalam penulisan, namun mereka tidak dapat mengelak, objek atau seseorang yang dilaporkan.

Istilah dan konsep objektiviti bukan merupakan sesuatu yang baru di negara ini, ianya telahpun diketahui umum oleh pihak akhbar sejak pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang ketiga lagi, iaitu Tun Hussein Onn. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir pernah membangkitkan soal objektiviti dalam media massa dalam ucapan perasmianya di Malam Penyampaian Anugerah Wartawan 1983. Katanya media massa di Malaysia mesti pastikan agar penulisan dan laporan mereka objektif, seimbang dan konstruktif agar tidak menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia juga mengambil sikap yang positif terhadap kepentingan objektiviti dalam media massa. Bagaimanapun, konsep objektiviti ini tidak dapat ditakrifkan secara tepat. Bukan sahaja pihak kerajaan, para ilmuan dan golongan professional juga yang begitu arif tentang objektiviti tidak dapat mencapai persefahaman dalam hal ini. John C. Merrill (1971:228) seorang professor kewartawanan di Amerika Syarikat memberi dua takrifan yang boleh kita jadikan sebagai panduan.

1. Objektiviti boleh dianggap sebagai satu 'metos', suatu matlamat yang sukar dicapai, suatu retorik dan mempunyai orientasi dua-nilai iaitu subjektif/objektif.
2. Objektiviti adalah suatu ideal atau keinginan, mudah dicapai oleh wartawan, yang memaksa wartawan supaya cuba sedaya-upaya untuk bersikap adil dalam pemberitaan, tepat, seimbang, berkecuali, tidak berat sebelah dan tidak prejudis.

KESIMPULAN:

Kebanyakan wartawan dan pendidik dalam bidang kewartawanan terutamanya di negara Barat mempertahankan

idea bahawa sesuatu laporan berita itu mestilah berdasarkan hanya kepada fakta yang sah yang dapat dikaitkan dengan sumber yang boleh dipercayai. Saranan telah dibuat bahawa pendapat, tanggapan dan kenyataan hukuman perlu digunakan dengan hati-hati --- dan hanya apabila kenyataan itu datang dari sumber yang berpengetahuan dan layak. Tetapi berapa ramai wartawan yang berjaya menggunakan fakta yang sah?

Barangkali ada orang yang menyatakan bahawa objektiviti dalam pemberitaan tidak boleh dicapai dan ia adalah suatu usaha yang sia-sia. Apakah kita boleh bersikap adil dalam laporan berita kita? Atau apakah kita dapat memisahkan di antara fakta dan bukan fakta di dalam laporan kita? Jawabannya, tentu sekali kita tidak boleh mencapai tahap keadilan dalam pemberitaan selagi kita masih menggunakan bahasa harian sebagai alat komunikasi. Meskipun dengan menggunakan bahasa sains yang tidak 'bias' atau bermotifkan peribadi, usaha ini juga amat merumitkan. Begitupun halnya, dengan wujudnya kesedaran terhadap perasaan memihak atau tidak memihak yang ditimbulkan oleh fakta dan perkataan-perkataan, kita masih boleh mencapai keobjektifan dalam melaporkan berita untuk sesuatu tujuan.

BIBLIOGRAFI

Belkaoui, Janice Monti. "Images of Arabs and Israelis in the Prentige Press, 1966-1974." *Journalism Quarterly*, Winter 1978, pp. 732-737.

Black, John J. "General Semantics, Beliefs System, and Propaganda: Interrelationships in Journalism." Disertasi Ph.D. dissertation, University of Missouri, 1974.

Boyer, Harold John. "An Intensive Study of Perceptions of News and Objectivity of Sixty Telegraphy Editors." Disertasi Ph.D. University of Missouri, 1975.

Cirino, Robert. *Power of Persuade: Mass Media and the News*. New York: Pathfinder Edition, 1974.

Dallin, Alexander. "American through Soviet eyes." *The Public Opinion Quarterly*, Spring 1947, pp. 26-39.

Faridah Ibrahim. "Image of Superpowera in two Malaysian National Dailies, Utusan Malaysia and The New Straits Times," Thesis Sarjana, University of Missouri-Columbia, 1984.

Hayakawa, S.I. *Language in Thought and Action*. New York: Harcourt Brace, 1949.

_____, ed. *The Use and Misuse of Language*. Greenwich, Conn. Fawcett Publications, Inc., 1962.

Lippmann, Walter. "Stereotypes." *Public Opinion*. New York: Harcourt, Brace and Co., 1922.

Lippmann, Walter. *The Public Philosophy*. New York: Mentor Books, 1955.

Lowry, Dennis. "Agnew and the Network TV News: A Before/After Content Analysis." *Journalism Quarterly*, (1971) 48: 205-210.

Merrill, John C. "The Image of the United States Presented by Ten Mexican Daily Newspapers." Disertasi Ph.D University of Iowa, 1962.

Merrill, John C. "How Time Stereotyped Three U.S. Presidents." *Journalism Quarterly*, XLII (Autumn, 1965), 563-70.

Mohd. Rajib Ab. Ghani. "Semantic Analysis of Objectivity in two Malaysian Newspapers." Thesis Sarjana, University of Missouri-Columbia, 1984.